

LAWATAN KERJA KE SIFOO ART & MULTIMEDIA TRAINING CENTER

Tajuk : Lawatan Kerja Ke Sifoo Art & Multimedia Training Center

Tarikh : 22 Ogos 2022 (Isnin)

Lokasi : Sifoo Art & Multimedia Training Center, Kuala Lumpur

Penglibatan : INSTUN (BTM & RND)

Ringkasan Program :

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) merupakan sebuah Pusat Latihan Awam yang menawarkan kursus secara bersemuka dan atas talian kepada pelbagai agensi termasuk awam dan swasta. Bersesuaian dengan sistem pengajaran dan pembelajaran dalam talian pada masa kini yang didigitalkan selari dengan perkembangan dunia teknologi komunikasi, INSTUN turut mengorak langkah dalam usaha untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan latihan melalui saluran digital.

Rentetan itu, BTM dengan kerjasama RND diarahkan untuk menjalankan kajian kaedah pelaksanaan pembelajaran dalam talian iaitu melalui sistem *Learning Management System* (LMS).

Sebagai sebuah pusat latihan swasta yang terkenal dalam menawarkan kursus berkaitan rekabentuk dan multimedia, *Sifoo Art & Multimedia Training Center* telah menggunakan pendekatan sistem LMS sepenuhnya. Oleh itu, satu lawatan kerja yang dihadiri oleh sebelas (11) orang pegawai INSTUN telah diadakan ke pusat latihan tersebut bagi mengetahui lebih lanjut berkaitan pelaksanaan sistem LMS, perkakasan yang terlibat serta fasiliti yang disediakan.

Gambar :









